



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 3 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM SEDIA BERI KHIDMAT KAUNSELING BUAT MEREKA YANG TERBABIT AKTIVITI SONGSANG		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-sedia-beri-khidmat-kaunseling-buat-mereka-yang-terbabit-aktiviti-songsang/	BULETINTV3.MY	
	https://hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295027/ops-songsang-kpwkm-sedia-beri-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga	HMETRO.COM.MY	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/12/333342/serbuan-spa-songsang-kpwkm-sedia-bantu-keluarga-individu-terlibat	MEDIASELANGOR.COM	
	https://suarasarawak.my/guru-terlibat-dalam-serbuan-spa-lucah-menteri-terkejut-bagaimana-mereka-nak-ajar-anak-kita/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KERAJAAN DICADANG TUBUH PASUKAN KHAS AI LINDUNGI KANAK-KANAK – NANCY		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-dicadang-tubuh-pasukan-khas-ai-lindungi-kanak-kanak-nancy/	BULETINTV3.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/12/02/cadangan-tubuh-pasukan-khas-tangani-keimbangan-keselamatan-pengaruh-negatif-ai-generatif	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/02/penubuhan-kumpulan-khas-dicadang-tangani-isu-ai-nancy/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/program-pendidikan-digital-fokus-keselamatan-ai-untuk-kanak-kanak-bermula-tahun-hadapan/	SUARASARAWAK.MY	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/nancy-cadang-tubuh-pasukan-khas-tangani-pengaruh-ai-terhadap-kanak-kanak/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	RANG UNDANG-UNDANG ANTI-BULI DIBENTANGKAN DI PARLIMEN MINGGU INI		POSITIF
	https://suarasarawak.my/rang-undang-undang-anti-buli-dibentangkan-di-parlimen-minggu-ini/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	DANA RM550,000 BUKA PELUANG BAHARU KEPADA USAHAWAN WANITA		POSITIF
	https://suarasarawak.my/dana-rm550000-buka-peluang-baharu-kepada-usahawan-wanita/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PAWE ELOPURA CEMERLANG, ANGKAT MARTABAT WARGA EMAS		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2025/12/1479612/pawe-elopura-cemerlang-angkat-martabat-warga-emas	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	ASN B PERKASA LITERASI KEWANGAN SEJAK KECIL		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/759031/bisnes/asnb-perkasa-literasi-kewangan-sejak-kecil	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BAPA ZAYN RAYYAN RAYU MOHON BATAL 14 SYARAT JKM, BON		NEUTRAL
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-zayn-rayyan-rayu-mohon-batal-14-syarat-jkm-bon-550106	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759022/berita/semasa/bapa-zayn-rayyan-rayu-mohon-batal-14-syarat-jkm-bon	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/02/bapa-zayn-rayyan-rayu-ketepi-sebahagian-keputusan-mahkamah-majistret/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/02/bapa-zayn-rayyan-fail-rayuan-sebahagian-syarat-berhubung-penjagaan-anak-kedua/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	LEBIH 60 PERATUS KANAK-KANAK MILIKI PERANTI, LAYARI INTERNET HINGGA 4 JAM SEHARI		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1479670/lebih-60-peratus-kanak-kanak-miliki-peranti-layari-internet-hingga-4	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1328381/over-half-malaysian-children-online-1%E2%80%93934-hours-daily-60-have-own-gadgets	NST.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116397/malaysian-children-online-for-up-to-four-hours-daily-parliament-told	THEVIBES.COM	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/12/333345/lebih-60-peratus-kanak-kanak-miliki-peranti-layari-internet-berlebihan-setiap-hari	MEDIASELANGOR.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	MCMC'S CAPACITY TO PROTECT CHILDREN ONLINE 'VERY LOW'		NEUTRAL
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1328389/mcmc-s-capacity-protect-children-online-very-low	NST.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/762376	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1328428/parliamentary-committee-alerts-weak-enforcement-childrens-online-safety	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/02/parliamentary-committee-criticises-mcmc-over-weak-online-safety-measures-for-children	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	URUS KESIHATAN MENTAL KANAK-KANAK PERLU KEPAKARAN PROFESIONAL, ELAK BEBAN GURU		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1479660/urus-kesihatan-mental-kanak-kanak-perlu-kepakaran-profesional-elak	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/parliamentary-committee-calls-for-professional-services-to-tackle-childrens-mental-health/	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesihatan-mental-kanakkanak-jkpk-syor-ncemh-jadi-agensi-kebangsaan-550115	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2497969	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/02/childrens-mental-health-needs-more-than-teachers-says-yeo-as-panel-urges-national-centre/200500	MALAYMAIL.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/02/mp-warns-of-mental-health-crisis-among-kids-due-to-excessive-internet-use	FREEMALAYSIA TODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	LEBIH 7,000 PASANGAN IKHTIAR DAPATKAN ZURIAT		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/02/lebih-7000-pasangan-ikhtiar-dapatkan-zuriat/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	'AKHIRNYA KAMI PELUK ZURIAT SENDIRI'		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/02/akhirnya-kami-peluk-zuriat-sendiri/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	LAPORAN KHAS: KRISIS RUMAH TANGGA NEGARA KIAN PARAH: PAKAR DESAK KAUNSELING WAJIB, MODUL PERKAHWINAN BARU LEBIH MODEN, REALISTIK		POSITIF
	https://themerdekaitimes.com/news/2025/12/laporan-khas-krisis-rumah-tangga-negara-kian-parah-pakar-desak-kaunseling-wajib-modul-perkahwinan-baru-lebih-moden-realistik/	THEMERDEKATIMES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	PELAKSANAAN DPP PASTIKAN PELARIAN TERURUS, DAPAT BANTUAN SECARA SAH DI MALAYSIA		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/02/pelaksanaan-dpp-pastikan-pelarian-terurus-dapat-bantuan-secara-sah-di-malaysia/	TVSARAWAK.MY	
	https://umno-online.my/2025/12/02/program-pendaftaran-pelarian-kdn-giat-laksana-empat-tindakan/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	BANJIR DI SEMBILAN NEGERI SEMAKIN PULIH, HANYA 8,457 MANGSA DI 136 PPS		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1479468/banjir-di-sembilan-negeri-semakin-pulih-hanya-8457-mangsa-di-136-pps	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2497797	BERNAMA.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/8457-mangsa-banjir-di-9-negeri-masih-ditempatkan-di-136-pps/	BULETINTV3.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1328183/flood-situation-improving-9-states-8457-evacuees-remain-136-relief	NST.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/banjir-seramai-8457-mangsa-masih-berlindung-di-pps/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1294966/banjir-di-7-negeri-semakin-pulih-jumlah-mangsa-terus-berkurangan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/02/flood-situation-in-seven-states-improving-fewer-evacuees-as-of-8am-this-morning/200449	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/02/flood-situation-in-seven-states-improving-fewer-evacuees-this-morning	THESTAR.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/flood-improves-evacuee-numbers-drop/	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1328641/floods-ease-nationwide-6695-evacuees-remain-perak-perlis-selangor	NST.COM.MY	
	https://theedgemalaysia.com/node/784428	THEEDGEMALAYSIA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
16	KELUARGA CEMAS KANAK-KANAK 2 TAHUN TERTINGGAL DI RESTORAN DI RAUB AKIBAT SALAH FAHAM		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/12/keluarga-cemas-kanak-kanak-2-tahun-tertinggal-di-restoran-di-raub-akibat-salah-faham/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758946/berita/semasa/salah-faham-punca-kanak-kanak-2-tahun-tertinggal-di-hadapan-restoran	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
17	'ABUYA' KINI BERDEPAN 21 KES SEKSUAL, TIGA DI MELAKA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/02/abuya-kini-berdepan-21-kes-seksual-tiga-di-melaka/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295132/abuya-berdepan-tiga-lagi-pertuduhan-jenayah-seksual	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758978/berita/semasa/abuya-aswadi-berdepan-pertuduhan-ke-21-kes-amang-seksual-di-melaka	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1479676/abuya-berdepan-3-lagi-pertuduhan-jenayah-seksual-babit-pelajar-lelaki-16	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/12/02/abuya-berdepan-18-kes-seksual-didakwa-lagi-tiga-pertuduhan-di-melaka/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/abuya-berdepan-pertuduhan-ke-21-kes-amang-seksual/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/02/mosque-caretaker-charged-with-3-counts-of-sexual-assault-sodomy	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.youtube.com/shorts/3iEIK6u5G9g	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
18	OPERATOR PENGELUARAN RAKAM VIDEO WANITA DI PASAR RAYA DISAMBUNG REMAN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/operator-pengeluaran-rakam-video-wanita-di-pasar-rama-disambung-remam/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1295264/operator-pengeluaran-skodeng-wanita-direman-6-hari-lagi	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1479873/operator-pengeluaran-rakam-video-wanita-di-pasar-rama-disambung-remam	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM sedia beri khidmat kaunseling buat mereka yang terbabit aktiviti songsang

02 Disember 2025, 1:34pm



Nancy Shukri ketika ditemui media selepas perasmian Program Asas Kepimpinan Lestari (ESG) Usahawati Sarawak di Kuching, hari ini. - Foto NSTP

Oleh: Mohd Roji Kawi

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersedia memberi khidmat kaunseling, sekiranya ada ahli keluarga 171 individu yang ditahan dalam serbuan aktiviti songsang di ibu negara, baru-baru ini, tampil memohon sokongan psikologi.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya tidak mempunyai maklumat mengenai identiti mereka yang terbabit termasuk 17 penjawat awam.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan ada antara lelaki berusia antara 19 hingga 60 tahun itu sudah berkeluarga.

"Kita tidak tahu siapa mereka, tetapi melihat latar belakang ada dalam kalangan profesional, kakitangan awam termasuk guru, mungkin ada antaranya adalah ketua keluarga.

"Apabila identiti tidak dikenal pasti, kita pun sukar untuk mengetahui keluarga mereka," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Asas Kepimpinan Lestari (ESG) Usahawati Sarawak di sini, hari ini.

Nancy berkata, pihaknya mengalu-alukan individu terbabit atau keluarga mereka yang mahu mendapatkan sokongan psikologi, untuk datang ke Pusat Sokongan Sosial (PSS) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau dapat ke pejabat KPWKM.

"Ada kes sebelum ini, individu berkedudukan tinggi tampil ke pejabat KPWKM untuk mendapatkan khidmat kaunseling.

"Mereka mungkin segan hendak ke PSS, jadi kami mengalu-alukan terus ke pejabat kerana kami memiliki ramai kaunselor yang memiliki pelbagai kepakaran," katanya.

Baru-baru ini, seramai 171 lelaki warga tempatan ditahan dalam serbuan pusat spa dan kesihatan di Chow Kit kerana disyaki terbabit dalam kegiatan tidak bermoral atau songsang.

Bagaimanapun, semua mereka dibebaskan dengan jaminan Sabtu lalu, selepas permohonan reman yang dikemukakan polis ke atas mereka ditolak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan dicadang tubuh pasukan khas AI lindungi kanak-kanak – Nancy

02 Disember 2025, 12:26pm



Nancy ditemui selepas menghadiri Program Asas Kepimpinan Lestari (ESG) Usahawati Sarawak, hari ini.

Oleh: Kadir Edison

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah mengemukakan cadangan kepada Jemaah Menteri untuk menubuhkan satu pasukan khas, bagi menangani isu keselamatan serta pengaruh negatif kecerdasan buatan (AI) generatif, khususnya terhadap golongan muda.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pasukan khas itu akan memberi tumpuan kepada aspek pendidikan, literasi digital dan pendedahan awal kepada kanak-kanak serta masyarakat luar bandar.

Ia turut melibatkan program anjung komuniti, selain kerjasama pelbagai kementerian bagi memastikan pendekatan lebih menyeluruh.

Menurut Nancy, AI kini bukan lagi sekadar ancaman terhadap keselamatan data, sebaliknya mampu mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku, terutama dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang lebih mudah terdedah kepada maklumat palsu atau manipulasi digital.

"Orang ramai sudah mula mengenal pasti bahawa itu bukan perkara yang benar. Cuma, kerajaan perlu meningkatkan lagi kesedaran mengenai AI ini, dan inilah cabaran kepada kerajaan. Penyertaan perlu dilakukan secara kolektif, bukan hanya satu kementerian.

"Semua pihak perlu melihat secara kritikal dalam menjamin kebajikan, keselamatan dan kejayaan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Program Asas Kepimpinan Lestari (ESG) Usahawati Sarawak, di sini, hari ini.

Nancy berkata, beliau secara peribadi telah mengutarakan cadangan penubuhan pasukan khas itu kepada Menteri Digital, Datuk Gobind Singh Deo, bagi mempercepatkan pelaksanaannya dan memastikan ia dapat menyokong program advokasi KPWK bermula tahun depan.

Tegasnya, kelewatan menangani isu berkaitan AI boleh menyebabkan masyarakat 'dikawal' oleh teknologi itu, sekali gus mengancam keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak pada masa depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Seri Nancy ketika ditemui pemberita.

Rang Undang-Undang Anti-Buli dibentangkan di Parlimen minggu ini

KUCHING: Rang Undang-Undang Anti-Buli yang ditunggu seluruh rakyat Malaysia bakal dibentangkan di Parlimen minggu ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, fasa pertama undang-undang itu meliputi golongan muda berusia 18 tahun ke bawah mengikut Akta Kanak-Kanak.

"Kemudian ia akan diperluaskan kepada perlindungan mereka sehingga berusia 21 tahun termasuk pelajar universiti.

"Pada kali ini, definisi buli akan dimasukkan kerana sebelum ini ia tidak pernah ditakrifkan dengan jelas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam Program Asas Kepimpinan Lestari Usahawati (ESG) Sarawak, di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau memberitahu perkhidmatan kaunseling sentiasa tersedia untuk mereka yang tampil mendapatkan bantuan.

Ujarnya, pihak kementerian akan sentiasa merahsiakan identiti bagi memastikan individu berasa selamat.

"Ada yang tidak mahu orang lain tahu masalah mereka tetapi mereka mempercayai kami kerana boleh melindungi identiti mereka.

"Walau bagaimanapun semuanya berbalik kepada keibubapaan. Mereka yang belum bersedia menjadi ibu bapa mesti berfikir dengan teliti kerana ini adalah tanggungjawab kepada negara dan masyarakat kita," tegasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nancy menerima sijil penghargaan daripada penganjur program.

Dana RM550,000 buka peluang baharu kepada usahawan wanita

KUCHING: Sebelas usahawan wanita Sarawak menerima RM550,000 geran kepimpinan bagi tahun 2025 selepas berjaya membuktikan potensi perniagaan melalui proses pitching, sekali gus bersedia mengembangkan usaha perniagaan mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata setiap penerima memperoleh RM50,000 selepas berjaya menyakinkan panel kebangsaan tentang keupayaan dan hala tuju perniagaan masing-masing.

"Wakil dari Sarawak sentiasa menunjukkan keyakinan yang semakin tinggi dalam ekosistem perniagaan kecil negeri," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata usaha niaga wanita kini semakin dikaitkan dengan kemampanan, nilai komuniti dan perancangan perniagaan jangka panjang. Beliau menekankan penggunaan ESG (alam sekitar, sosial, tadbir urus) dalam perniagaan tidak semestinya memerlukan pelaburan besar.

"Sebaliknya, amalan perniagaan bertanggungjawab boleh bermula dengan keputusan harian seperti mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, menguruskan sisa dengan cekap, menjimatkan tenaga atau memilih sumber beretika.

"Kepimpinan adalah kemampanan. Ia bermula kecil tetapi berkembang dengan cepat apabila wanita memimpin," katanya.

Nancy turut menggalakkan peserta mengukuhkan rangkaian, bekerjasama rapat dengan mentor serta berkongsi idea praktikal bagi meningkatkan kualiti produk, penjenamaan dan prestasi operasi.

Beliau berkata kerjasama sering menjadi pemangkin kepada usaha niaga baharu dan peluang pasaran.

Beliau juga menggesa pemimpin perniagaan mengenal pasti bakat yang belum diterokai di sekeliling mereka.

"Kadang-kadang jika anda tidak memberi peluang, mereka tidak akan menyedarinya. Namun mereka mempunyai bakat dalam diri mereka.

"Saya berharap penerima dari Sarawak menggunakan geran itu untuk merigukuhkan asas perniagaan dan meningkatkan komuniti mereka," katanya.



Nancy merakam kenangan bersama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng serta usahawan wanita yang hadir dalam majlis tersebut.

"Proses itu bagi memastikan dana disalurkan kepada usahawan wanita yang menunjukkan bakat, disiplin dan kapasiti yang jelas untuk berkembang maju.

"Ini bermaksud mereka mempunyai semua bakat dan kebolehan untuk menyakinkan ahli panel," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Asas Kepimpinan Lestari (ESG) Usahawati Sarawak di sini, hari ini.

Tambah beliau, ramai wanita mempunyai produk dan idea yang kukuh namun kekurangan akses kepada modal awal.

Jelasnya, pemberian geran itu bertujuan merapatkan jurang tersebut sambil menguji kepimpinan serta mempersiapkan mereka memikul tanggungjawab lebih besar.

Ujarnya, inisiatif nasional itu bermula pada 2024 selepas beliau sendiri memohon RM5 juta daripada Perdana Menteri.

"Hanya 25 usahawan wanita terpilih pada tahun pertama sebelum program diperluaskan kepada 100 peserta di seluruh negara tahun ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PAWE Elopura cemerlang, angkat martabat warga emas

Oleh Mohd Amin Jalil - Disember 2, 2025 @ 12:34pm



Nancy (tiga dari kiri) menyampaikan Sijil Pusat Aktiviti Warga Emas Cemerlang pada Majlis Penutup Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan di Seremban. -Foto Mohd Amin Jalil.

DARI sebuah pusat komuniti yang sederhana di pinggir Bandar Sandakan, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Elopura kini mencipta sejarah apabila dinobatkan sebagai PAWE Cemerlang Kebangsaan 2025, mengangkat nama Sabah di persada nasional.

Kejayaan ini bukan sekadar pengiktirafan terhadap pengurusan cemerlang, tetapi juga bukti nyata bahawa komitmen dan kasih terhadap warga emas mampu membuahkan hasil luar biasa.

Pencapaian itu juga hasil dedikasi, semangat kesukarelawanan dan kebersamaan yang tidak pernah luntur sejak pusat itu beroperasi pada tahun 2020.

Anugerah berprestij berkenaan disampaikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri sempena Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2025 di Seremban, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Che Murad Sayang Ramjan.

Hasil kerja berpasukan

Pengerusi PAWE Elopura, Budun Muari, tidak dapat menyembunyikan rasa syukur dan bangga atas kejayaan itu yang disifatkan sebagai hasil kerja berpasukan dan jiwa sukarelawan, tidak mengenal penat lelah.

"Kami bermula dengan tekad yang satu, menjadikan PAWE Elopura bukan sekadar tempat warga emas berkumpul, tetapi wadah untuk mereka terus hidup aktif, sihat dan dihargai," katanya.

Budun berkata, PAWE Elopura berperanan sebagai pusat sehati komuniti yang menyediakan pelbagai aktiviti percuma kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas.

Programnya merangkumi aspek kerohanian, rekreasi, terapi, kesihatan, kemahiran dan sosial.

"Kami percaya warga emas masih memiliki semangat dan keupayaan untuk menyumbang. Jadi, kami tekankan pendekatan interaktif dan intergenerasi. Mereka bukan sekadar peserta, tetapi penggerak dalam setiap program," katanya.

Menurut beliau, PAWE Elopura menolak persepsi konvensional, warga emas wajar ditempatkan di pusat penjagaan.

"Sebaliknya, kami mahu mereka kekal berdikari dan berperanan dalam masyarakat. Di PAWE, mereka bukan penerima belas kasihan, tetapi individu yang aktif dan dihormati," katanya lagi.

Budun berkata, kejayaan peringkat kebangsaan itu menjadi pemangkin untuk terus memperkasa kesejahteraan warga emas di Sandakan dan seluruh Sabah.

"Kami amat menghargai sokongan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan masyarakat setempat. Anugerah ini milik bersama dan simbol perpaduan serta kasih antara generasi," katanya.

Menurut Budun lagi, PAWE Elopura sebelum ini sudah beberapa kali menerima pengiktirafan pada peringkat negeri dan jabatan.

Turut diraikan pada majlis berkenaan ialah Dr Tee E Siong, 78, yang menerima Anugerah Tokoh Warga Emas 2025 atas sumbangan luar biasa dalam bidang pemakanan dan kebajikan masyarakat.

Bekas pegawai pemakanan di Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan (KKM) itu pernah terlibat aktif dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pemakanan Malaysia, Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu dan Persatuan Kesedaran Kesihatan Warga Emas Malaysia.

"Anugerah ini bukan penghujung perjalanan, tetapi dorongan untuk saya terus menyumbang. Selagi hayat dikandung badan, kita harus kekal aktif dan memberi manfaat kepada masyarakat. Itu rahsia hidup sihat dan bahagia," katanya.

Beliau juga mengetuai pelbagai program komuniti termasuk Program Penuaan Sihat Positif 2022, yang memperjuangkan gaya hidup aktif dalam kalangan warga emas di seluruh negara.

Warga emas wajah masa depan negara

Sementara itu, kerajaan kekal komited memperkukuh kesejahteraan warga emas yang semakin meningkat bilangannya, seiring persediaan Malaysia menuju status negara tua menjelang 2030.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata isu warga emas tidak boleh digalas oleh satu Kementerian sahaja. Ia memerlukan pendekatan menyeluruh merangkumi pelbagai bidang dan kepakaran.

"Warga emas bukan beban kepada negara, sebaliknya aset berharga yang menjadi jambatan generasi dan sumber kebijaksanaan bangsa.

"Mereka adalah mentor dan pembimbing kepada generasi muda, pemelihara nilai budaya, serta agen advokasi dalam isu sosial dan kelestarian," katanya ketika berucap sempena Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2025.

Beliau berkata, tema sambutan tahun ini, 'Warga Emas Wajah Masa Depan Kita' amat signifikan kerana menegaskan penghormatan terhadap peranan semasa warga emas, bukan sekadar jasa silam mereka.

"Warga emas hari ini bukan sekadar dikenang atas sumbangan masa lalu, tetapi menjadi inspirasi yang memimpin hala tuju masyarakat ke depan," katanya.

Nancy berkata, jangka hayat rakyat Malaysia meningkat daripada 63 tahun pada lima dekad lalu kepada 76 tahun kini, justeru tanggungjawab kerajaan memastikan golongan itu terus menikmati kesejahteraan hidup semakin penting.

"KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan terus memperkukuh jaringan, Pusat Aktiviti Warga Emas di seluruh negara supaya lebih ramai warga emas dapat mengakses program sosial, terapi minda dan aktiviti yang merangsang kehidupan aktif.

Selagi warga emas dirai dan dihormati, selagi itu masyarakat kita kekal harmoni dan sejahtera," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ASNB perkasa literasi kewangan sejak kecil



RAIHAM MOHD SANUSI

Follow

02 Disember 2025 05:46pm



Dr Wan Azizah menyempurnakan gimik perasmian sambutan Hari Kanak-Kanak 2015 di Stadium Merdeka baru-baru ini.

SAMBUTAN Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2025 anjuran syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjadi platform memperkasa literasi kewangan sejak kecil.

Ia juga selari dengan seruan 'Kita Generasi Labur' oleh ASNB yang berperanan memupuk rakyat Malaysia yang celik dan bersedia untuk masa hadapan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, usaha itu dibuat kerana setiap amalan yang baik perlu dipupuk sejak usia muda.

"Ibu bapa dan keluarga adalah pendorong dalam membentuk disiplin kewangan anak-anak supaya bijak menghargai nilai wang, sebagai persediaan menghadapi pelbagai cabaran di masa hadapan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Program selama dua hari di Stadium Merdeka tyang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak yang juga isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail itu menarik kehadiran hampir 10,000 pengunjung termasuk murid sekolah, kanak-kanak istimewa serta penghuni rumah kebajikan.



Pelancaran maskot ASNB Bijak iaitu Along, Angah dan Achik mencerminkan komitmen ASNB untuk menerapkan literasi kewangan melalui pendekatan lebih ceria, interaktif dan mesra kanak-kanak

ASNB sebelum ini juga melancarkan program khas ASNB Bijak khusus untuk pelabur muda berusia 17 tahun ke bawah bertujuan memberi pendedahan awal terhadap konsep simpanan dan pelaburan serta memupuk tabiat kewangan positif sejak kecil.

Sambutan Hari Kanak-kanak kali ini turut menyaksikan pelancaran maskot dan penampilan baharu ASNB Bijak iaitu Along, Angah dan Achik, trio kesayangan dari era 1990-an dan awal 2000-an yang mana kemunculan semula mereka mencerminkan komitmen ASNB untuk menerapkan literasi kewangan melalui pendekatan yang lebih ceria, interaktif dan mesra kanak-kanak.

Dalam perkembangan berkaitan, Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) juga meneruskan penganjuran Kuiz Pelaburan PNB 2025 yang menyaksikan penyertaan 16,752 pelajar, peningkatan 31 peratus berbanding tahun lalu dengan Penang Free School dinobatkan sebagai juara.

Ketua Pegawai Eksekutif yang juga Pengarah Eksekutif ASNB, Fadziha Abbas Mohamed Ramlee berkata, sehingga 31 Oktober 2025, sebanyak 429 sekolah menengah di seluruh Malaysia telah menyertai KPBPNB

"Kami berpuas hati dan gembira melihat 89 peratus pelajar telah mula menyimpan atau melabur selepas menyertai program KPBPNB. Ini menunjukkan bahawa KPBPNB memberi impak positif kepada pelajar dan angka ini menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif dalam kalangan pelajar," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa Zayn Rayyan rayu mohon batal 14 syarat JKM, bon



Sinar Harian

02/12/2025 | 18:45 MYT



Zaim Ikhwani mendukung anak keduanya selepas prosiding permohonan hak penjagaan kekal dibenarkan Mahkamah Majistret Shah Alam pada 21 November lalu. - Foto Sinar Harian

SHAH ALAM: Bapa kepada Allahyarham Zayn Rayyan Abdul Matin memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi di sini untuk membatalkan sebahagian keputusan Mahkamah Majistret yang memerintahkannya memenuhi 14 syarat beserta bon, bagi membolehkan anak kedua, dikembalikan ke pangkuan keluarga.

Zaim Ikhwani Zahari, 30, membuat permohonan berkenaan menerusi Tetuan Haresh Mahadevan & Co, pada 26 November lalu.

Pada 21 November lalu, *Sinar Harian* melaporkan, selepas 18 bulan adik kepada Allahyarham Zayn Rayyan Abdul Matin dijaga oleh nenek saudara termasuk pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Mahkamah Majistret di sini membenarkan kanak-kanak berusia enam tahun itu dipulangkan ke pangkuan bapanya.

Bagaimanapun, mahkamah memerintahkan bapa kepada dua anak itu, memenuhi 14 syarat yang dikemukakan pihak JKM antaranya memastikan kanak-kanak yang juga menghidap autisme itu tidak ditinggalkan berseorangan tanpa pengawasan orang dewasa dan tiada kes penganiayaan atau berlaku pengabaian.

Bapa kandung hendaklah memastikan kanak-kanak ini mendapat pendidikan dan terapi sewajarnya.

Mereka juga dikehendaki tinggal di alamat yang dinyatakan dalam perintah mahkamah namun jika mahu berpindah, perkara ini perlu dimaklumkan kepada JKM.

Sementara itu, peguam, Lavanesh Haresh Mahadevan berkata, selain 14 syarat tersebut, Majistret, Ameera Mastura Khamsi juga mengenakan perintah bon kepada Zaim Ikhwani mengikut Seksyen 30(1)(a) dan Seksyen 30(B) Akta Kanak-Kanak 2001.

Susulan itu beliau yang mengendalikan kes pengabaian membabitkan isteri Zaim Ikhwani iaitu Ismanira Abdul Manaf, 30, berkata, mahkamah telah tersilap menggunakan bidang kuasa di bawah seksyen itu kerana melibatkan dua isu iaitu perlindungan dan pemeliharaan, yang mana ia tidak lagi wujud dalam kes berkenaan.

Sedangkan beliau berkata, dalam kes ini kedua-dua isu berkenaan tidak lagi wujud selepas Zaim Ikhwani dilepaskan tanpa perlu membela diri terhadap kes pengabaian Zayn Rayyan.

Katanya, JKM juga menyatakan Zaim Ikhwani merupakan bapa yang layak, stabil dari segi mental dan kewangan malah memberi pengaruh yang baik kepada kanak-kanak yang kini berusia enam tahun tersebut.

"Susulan itu, mahkamah tiada hak untuk menetapkan sebarang syarat terhadap bapa dan anak ini.

"Mahkamah juga tidak boleh lagi menggunakan Seksyen 30(B) itu untuk mengenakan syarat atau bon kerana perlindungan dan pemeliharaan bukan lagi isu yang sah di sisi undang-undang dalam konteksnya," katanya.

Beliau berkata, anak bongsu itu pada awalnya diambil oleh JKM selepas pasangan suami isteri itu didakwa mengabaikan Zayn Rayyan.

Selepas mahkamah membebaskan Zaim Ikhwani daripada tuduhan mahkamah itu, beliau berkata, anak guam tidak lagi berada dalam kategori orang yang perlu diawasi.

Katanya, hubungan bapa dan anak itu sepatutnya dipulihkan tanpa campur tangan atau pengawasan JKM.

"Berdasarkan kedudukan undang-undang yang jelas ini, kami memfailkan rayuan hanya terhadap syarat dan bon yang dikenakan oleh mahkamah.

"Kami tidak mencabar perintah pemulangan kanak-kanak itu, tetapi hanya bahagian syarat dan bon yang akan dirayu kerana ia tidak lagi wajar dalam keadaan Zaim Ikhwani telah dibebaskan daripada pertuduhan kes.

"Ditambah lagi dengan laporan JKM, menyatakan beliau tidak berisiko, selaras dengan pembebasan beliau pada lima bulan lalu," katanya.

Pada 22 November lalu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menegaskan aspek keselamatan serta perlindungan kanak-kanak terus menjadi keutamaan, membabitkan kanak-kanak tersebut.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pemantauan berjadual oleh JKM akan diteruskan, bagi memastikan kebajikan kanak-kanak itu sentiasa terjamin. -- *Sinar Harian*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 60 peratus kanak-kanak miliki peranti, layari internet hingga 4 jam sehari



Oleh Fahmy A Rosli - Disember 2, 2025 @ 2:15pm



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Sebanyak 55.7 peratus kanak-kanak di negara ini menggunakan internet selama satu hingga empat jam sehari tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat, Yeo Bee Yin, mendedahkan 60.7 peratus kanak-kanak memiliki peranti sendiri.

Dapatan itu diperoleh hasil libat urus bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan (KKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Pada sesi penerangan berkaitan Penyata Jawatankuasa Berhubung Keselamatan Digital dan Kesihatan Mental Kanak-Kanak di Dewan Rakyat hari ini, beliau mendedahkan penggunaan internet berlebihan dalam kalangan kanak-kanak membawa beberapa gejala membimbangkan.

Gejala itu termasuk gangguan permainan internet (IGD), gangguan keseimbangan social (SAD), masalah kesihatan mental serta ketagihan dan kesalahan seksual.

"Menurut satu kajian, antara 5,290 remaja di tujuh negeri di Malaysia, sebanyak 3.5 peratus didiagnosis mengalami IGD. Dengan kata lain, 315,000 kanak-kanak di Malaysia mengalami IGD.

"IGD ditakrifkan sebagai gaming yang berterusan dan berulang sehingga mengakibatkan kemerosotan yang ketara. IGD dikait rapat dengan kecenderungan impulsive terutama impulsif motor dan daya tumpuan yang singkat.

"Dari segi impak kesihatan mental, daripada remaja yang mengalami IGD, 48.1 peratus mengalami keseimbangan seirius, 37.4 peratus mengalami kemurungan serius dan 18.2 peratus mengalami tekanan serius.

"IGD juga dikaitkan secara signifikan dengan SAD iaitu ketidakseimbangan sosial dan pengelakkan interaksi sosial. IGD dan SAD secara keseluruhannya akan menjejaskan pembangunan kanak-kanak," katanya.

Berdasarkan dapatan utama diperolehi, Bee Yin mendedahkan hampir separuh kes jenayah seksual membabitkan kanak-kanak.

Daripada kes jenayah seksual membabitkan kanak-kanak, beliau berkata 68.1 peratus adalah kes suka sama suka di mana kedua-dua pihak berumur 16 tahun ke bawah dan bersetuju mengadakan hubungan seks.

"Jawatankuasa juga mendapati hampir 90 peratus daripada remaja yang melakukan hubungan seksual berulang kali berpunca daripada pendedahan awal kepada pornografi, media social dan bahan lucah digital.

"Sebanyak 30 peratus kes kesalahan seksual kanak-kanak yang ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti dan Asrama Akhlak berpunca daripada tiada kawalan terhadap penggunaan gajet," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MCMC's capacity to protect children online 'very low'

By **Nor Ain Mohamed Radhi**, **Qistina Sallehuddin** December 2, 2025 @ 1:58pm



Yeo Bee Yin (centre), said the committee found that MCMC's financial commitment and capacity to ensure internet safety are very low, particularly in controlling online gaming, pornography among children, and the spread of child sexual abuse materials (CSAM).
NSTP/MIHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

KUALA LUMPUR: The Special Select Committee on Women, Children and Community Development has raised concerns over the Malaysian Communications and Multimedia Commission's (MCMC) ability to safeguard children from harmful online content.

Its chairman, Yeo Bee Yin, said the committee found that MCMC's financial commitment and capacity to ensure internet safety are very low, particularly in controlling online gaming, pornography among children, and the spread of child sexual abuse materials (CSAM).

She said the committee had reviewed MCMC's financial statements from 2019 to 2023, which showed the commission's revenue ranged from RM1.2 billion to RM1.6 billion.

"However, for monitoring purposes, including identifying websites containing harmful content accessible to children, MCMC does not provide sufficient dedicated resources, with staff numbering only 56 officers.

"Moreover, MCMC does not use automation systems or artificial intelligence, relying solely on manual methods such as keyword searches to monitor content.

"This is very concerning," she said during the explanation session on digital safety and mental health of children in Malaysia by the committee in Dewan Rakyat today.

The committee conducted engagement sessions with the Home Ministry; the Health Ministry; the Women, Family and Community Development Ministry; the Social Welfare Department; the police; MCMC; as well as the Office of the Commissioner for Children (OCC) and Suhakam between Oct 30 and Nov 13, which aimed to examine risk factors, gaps, and necessary regulatory measures.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Urus kesihatan mental kanak-kanak perlu kepakaran profesional, elak beban guru



Oleh Fahmy A Rosli - Disember 2, 2025 @ 2:03pm



Yeo Bee Yin

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat mengesyorkan pengurusan kesihatan mental kanak-kanak memerlukan perkhidmatan dan kepakaran profesional serta pengurusan yang sistematik.

Pengerusi jawatankuasa berkenaan, Yeo Bee Yin, berkata pihaknya mengesyorkan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) menjadi agensi kebangsaan yang bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan mental kanak-kanak di Malaysia.

Beliau berkata pengurusan kesihatan mental kanak-kanak tidak boleh lagi bergantung kepada guru kerana ia bukan tergolong skop profesionalisme golongan itu.

Tambahan pula, beliau berkata guru ketika ini sudah pun terbeban dengan tugas hakiki mereka.

"Oleh itu, jawatankuasa mengesyorkan supaya Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) menjadi agensi kebangsaan yang bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan mental kanak-kanak di Malaysia.

"Kementerian Pendidikan (KPM) serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) pula dijadikan sebagai rakan strategik," katanya pada sesi penerangan berkaitan Penyata Jawatankuasa Berhubung Keselamatan Digital dan Kesihatan Mental Kanak-Kanak Malaysia di Dewan Rakyat hari ini.

Sehubungan itu, Bee Yin berkata pihaknya mengesyorkan supaya kerajaan memperkasakan NCEMH dengan memperbanyakkan perjawatan pakar perubatan dan pegawai psikologi.

Ia termasuk cadangan untuk meningkatkan peruntukan NCEMH dalam usaha menangani kes berkaitan kesihatan mental membabitkan kanak-kanak.

Katanya antara fungsi dan peranan yang boleh diperkasakan oleh NCEMH antaranya bekerjasama dengan KPM untuk melakukan saringan kesihatan mental secara berkala dan sistematik di sekolah.

"NCEMH disaran melatih kaunselor dan guru-guru yang berkaitan di sekolah untuk mengenalpasti kes-kes ketagihan digital dan seks, gangguan permainan internet (IGD), gangguan ketidakseimbangan sosial (SAD) serta cabaran-cabaran kesihatan mental yang perlu menjalani intervensi awal supaya mereka boleh dirujuk kepada institusi KKM berkaitan.

"Bagi pelajar yang dirujuk kepada KKM, perlu membabitkan perkhidmatan JKM khususnya apabila membabitkan masalah rumah tangga dan lain-lain.

"Pusat itu juga disyor menjalankan analisis dan pemantauan trend kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan menyediakan pelaporan berkala. Ia termasuk menjalankan kempen kesedaran mengenai kesihatan mental secara sistematik di sekolah," katanya.

Syor kepada KPM pula, beliau berkata jawatankuasa berkenaan mencadangkan agar dikaji semula kesesuaian bahan pendidikan karakter dan mempertimbang untuk menggantikannya dengan pembelajaran emosi sosial.

Jelasnya ia adalah syor seperti dicadangkan oleh ahli akademik yang menjalankan kajian psikososial kanak-kanak dan pihak Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF)

Pada masa sama, beliau berkata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) juga disyor menggandakan peruntukan kewangan dengan segera bagi meningkatkan kapasiti pasukan pemantauan laman web termasuk penggunaan teknologi terkini dan meningkatkan kepakaran sumber manusia yang sewajarnya.

"MCMC juga perlu menyalur dana CSR (tanggungjawab sosial korporat) kepada NCEMH untuk mencegah dan mengurus masalah kes ketagihan digital akibat penggunaan internet berlebihan.

"Memandangkan pembabitkan ibu bapa amat kritikal dalam memastikan keselamatan digital terhadap kanak-kanak, jawatankuasa mencadangkan supaya MCMC menjalankan kempen kesedaran keselamatan digital secara besar-besaran, khususnya bekerjasama dengan KPM untuk menjalankan program literasi digital.

"Ia perlu berstruktur khusus untuk ibu bapa dan memastikan setiap sekolah melaksanakan sesi praktikal penetapan 'parental control' yang mana ibu bapa dibimbing secara langsung untuk mengaktifkan kawalan keselamatan pada peranti anak masing-masing," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perkhidmatan subfertiiliti LPPKN ditawarkan pada kos yang lebih rendah berbanding fasiliti swasta bagi memastikan lebih ramai pasangan, khususnya daripada golongan B40 dan M40, mendapat akses rawatan. Gambar kecil: Ketua Pengarah LPPKN, Datuk Abdul Shukur Abdullah.

Lebih 7,000 pasangan ikhtiar dapatkan zuriat

Oleh NURUL IZZATI ZAINI 2 Disember 2025, 9:12 am

PETALING JAYA – Malaysia kini berdepan cabaran kesuburan yang semakin meruncing apabila lebih ramai pasangan suami isteri dilaporkan sukar mendapatkan zuriat, selain trend berkahwin lewat dan faktor gaya hidup yang menjejaskan tahap kesuburan.

Bagaimanapun, di sebalik kebimbangan itu, kemudahan rawatan kesuburan berteknologi moden pada kos berpatutan dilihat menjadi antara jalan keluar kepada pasangan yang memerlukan, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Antara institusi yang memainkan peranan penting adalah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang kini muncul sebagai antara penyedia utama rawatan subfertiiliti pada kadar mampu milik, dengan lebih 6,000 pasangan berjaya hamil menerusi rawatan yang ditawarkan agensi tersebut.

Ketua Pengarah LPPKN, Datuk Abdul Shukur Abdullah berkata, pada tahun ini sahaja, sebanyak 7,181 pasangan mendapatkan perkhidmatan fertiliti manakala daripada jumlah tersebut seramai 6,435 pasangan berjaya hamil menerusi rawatan di LPPKN.

Beliau berkata terdapat peningkatan bilangan klien yang hadir mendapatkan perkhidmatan Klinik Subfertiiliti LPPKN pada tahun ini berbanding tahun lepas iaitu sebanyak 44 peratus.

"Perkhidmatan subfertiiliti LPPKN ditawarkan pada kos yang lebih rendah berbanding fasiliti swasta bagi memastikan lebih ramai pasangan, khususnya daripada golongan B40 dan M40, mendapat akses rawatan.

"Tambahan lagi inisiatif kerajaan seperti Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Subfertiiliti (BuAi) menyediakan subsidi penuh kepada rawatan Intrauterine Insemination (IUI) bagi meningkatkan lagi akses terutamanya kepada golongan B40.

"Seramai 1,300 orang pasangan yang layak telah berdaftar manakala 1,100 pasangan menjalani rawatan di bawah program BuAi setakat November ini," katanya ketika ditemui Kosmo! di ibu pejabat LPPKN, baru-baru ini.

Tambah Abdul Shukur, sejak penubuhan Klinik Subfertiiliti LPPKN pada tahun 1979 sehingga kini, sebanyak 44,738 kes baru dan 279,584 kes ulangan yang berdaftar dengan LPPKN.

Beliau berkata dapatan daripada Data Subfertiiliti Kebangsaan 2024 menunjukkan majoriti pasangan yang hadir berumur 30 hingga 34 tahun dan diikuti dengan kategori umur 35 hingga 39 tahun.

Jelasnya, majoriti pasangan yang hadir menunggu lebih lima tahun sebelum mendapatkan rawatan subfertiiliti iaitu sebanyak 44.2 peratus dan diikuti 36.6 peratus dalam tempoh menunggu dua hingga lima tahun.

"Data tersebut jelas menunjukkan kesedaran masyarakat masih rendah berkaitan isu subfertiiliti dan kesegeraan untuk mendapatkan rawatan bagi meningkatkan kejayaan kehamilan.

"Umur seseorang wanita merupakan antara faktor utama dalam kejayaan rawatan disebabkan apabila mencecah 30 tahun ke atas, kualiti dan kuantiti telur wanita akan berkurangan secara semula jadi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata LPPKN menawarkan pelbagai rawatan fertiliti berteknologi moden seperti In-Vitro Fertilisation (IVF), Intra-Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI), penyejukkan gamet dan IUI.

Katanya, bagi lelaki yang mempunyai masalah psikoseksual atau kualiti sperma yang rendah, LPPKN turut menyediakan Klinik Kesejahteraan Lelaki yang menawarkan konsultasi bersama doktor lelaki berpengalaman, rawatan bersesuaian serta prosedur operasi kecil seperti PESA, TESA dan TESE bagi pengambilan sperma.

Dari segi kos, beliau berkata, caj rawatan di Klinik Subfertiiliti LPPKN dikekalkan pada kadar mampu milik seperti rawatan IUI misalnya dianggarkan sekitar RM1,000 hingga RM1,500, manakala rawatan IVF dan ICSI berharga antara RM10,000 hingga RM15,000 bagi satu kitaran.

Perkhidmatan tersebut kini ditawarkan di empat klinik mengikut zon, iaitu Klinik Subfertiiliti LPPKN Pulau Pinang (Zon Utara), Kuala Lumpur (Zon Tengah), Johor Bahru (Zon Selatan) dan Sarawak.

Statistik kesuburan Malaysia sebelum ini melaporkan peningkatan Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) kepada 1.7 anak bagi setiap wanita pada tahun 2023, meningkat daripada 1.6 pada tahun sebelumnya.

Menurut statistik terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pula, jumlah kelahiran hidup di Malaysia merekodkan penurunan sebanyak 11.5 peratus kepada 93,500 berbanding 105,613 kelahiran pada suku tahun pertama 2024.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin sebelum ini berkata, jumlah kelahiran hidup pada suku pertama 2025 merupakan rekod terendah pernah dicatatkan, dengan nisbah jantina bagi kelahiran hidup ialah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Mengulas lanjut, Abdul Shukur berkata melihat kepada situasi semasa Kadar Kesuburan Jumlah Negara yang rendah, kerajaan sendiri telah memberi mandat kepada LPPKN dalam penubuhan Pusat Subfertiiliti Negara (PSN) di Shah Alam, Selangor dengan peruntukan sebanyak RM171 juta.

Katanya, pusat ini dijangka beroperasi sekitar tahun 2030 dan bakal bertindak sebagai pusat rujukan nasional untuk rawatan subfertiiliti, latihan kepakaran dan penyelidikan disamping pengukuhan kepakaran reproduktif dan makmal.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Salmiah dan Muhammad Idzwan bersama puteri sulung mereka, Ayla Arshiya.

'Akhirnya kami peluk zuriat sendiri'

Oleh NURUL IZZATI ZAINI 2 Disember 2026, 8:55 am

PETALING JAYA – Pengorbanan dan penantian sepasang suami isteri selama lapan tahun untuk menimang cahaya mata akhirnya menjadi kenyataan selepas mereka dikurniakan zuriat pada September lalu, sekali gus menutup episod panjang sebagai pejuang kesuburan.

Lebih manis lagi apabila Salmiah Jamaluddin dan Muhammad Idzwan Ibrahim mendapat zuriat sulung melalui rawatan In-Vitro Fertilisation (IVF) yang diperkenalkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

LPPKN yang berada di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) merupakan antara penyedia rawatan subfertiiliti pada kadar mampu milik dengan lebih 6,000 pasangan berjaya hamil menerusi rawatan tersebut.

Menurut Salmiah, 34, perjuangan mereka mendapat cahaya mata bermula pada Oktober 2017 apabila dia dan suami mula mencuba untuk mendapatkan zuriat dengan melaksanakan rawatan di hospital dan pusat rawatan kesuburan lain, namun masih belum membuahkan hasil.

"Pada tahun 2023, seorang rakan kakak mencadangkan untuk mendapatkan rawatan di LPPKN. Saya mula buat carian bagaimana untuk mendaftar.

"Doktor kemudian memulakan rawatan termasuk pengambilan suplemen selama beberapa bulan sebelum kami disarankan meneruskan prosedur IVF," katanya kepada Kosmo!

Hasil kesabaran dan tekad Salmiah dan suami, wanita itu akhirnya disahkan hamil pada Januari dan selamat melahirkan bayi perempuan pada 26 September lalu.

"Alhamdulillah, layanan di LPPKN semua sangat bagus. Jururawat dan doktor sangat menyokong dan positif. Kos bayaran di LPPKN juga jauh lebih berpatutan amat membantu pasangan dalam kategori M40 dan B40 yang berdepan masalah kesuburan tetapi terbatas dari segi kemampuan kewangan," katanya.

Bagi Muhammad Aiman Shuhaimi, 31, dia melahirkan rasa sangat syukur apabila isterinya, Nurul Aqilah Mohamed Sabri, 30, disahkan hamil setelah empat tahun mendirikan rumah tangga.

Perjalanan manis mereka bermula pada awal Januari tahun ini, dengan menyertai Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Subfertiiliti (BuAi) di bawah LPPKN.

"Kami bersyukur kerana doktor maklumkan kami berdua sebenarnya tiada masalah dari segi kesuburan, cuma masih belum ada rezeki. Kemudian tidak lama selepas rawatan, isteri disahkan hamil pada 16 Februari.

"Tidak boleh bandingkan perasaan gembira dan seronok ketika itu," luahnya.

Mengulas mengenai kos rawatan, Aiman berkata, bayaran yang dikeluarkan sangat berbaloi dengan perkhidmatan yang diterima.

"Untuk Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Subfertiiliti (BuAi), lebih kurang RM100 hingga RM200 sahaja, itu pun untuk ubat-ubatan selepas keputusan positif," katanya.

Katanya lagi, pengalaman manis itu membuatkan mereka tidak teragak-agak untuk mengesyorkan LPPKN kepada rakan-rakan yang sedang menjalani perjalanan TTC.

"Kami memang selalu sebut dekat kawan-kawan yang nak buat rawatan, supaya cuba di LPPKN. Harga pun munasabah, tidak murah dan tidak mahal. Sangat berbaloi dengan kualiti rawatan.

"Nasihat saya jangan cepat mengalah. Dapatkan nasihat pakar, jangan simpan sendiri. Kami sendiri hampir tiga tahun mencuba sebelum Allah kurniakan rezeki ini," katanya.

Sementara itu, Aisyah Radihah, 36, mengakui pernah mendapatkan rawatan kesuburan di fasiliti swasta, namun terpaksa berhenti kerana tidak lagi mampu menampung kos yang tinggi.

Katanya yang sudah TTC selama lima tahun, rawatan kesuburan di LPPKN jauh lebih murah dan berpatutan selain menawarkan pakar dan perubatan yang bertaraf tinggi.

"Saya mula datang ke LPPKN sejak Julai tahun lepas. Sekarang saya dah nak sampai peringkat rawatan Intrauterine Insemination (IUI), saat yang mendebarkan bagi saya. Kena selesaikan semua ini dahulu, kemudian baru doktor cadangkan rawatan terbaik," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



LAPORAN KHAS: Krisis rumah tangga negara kian parah: Pakar desak kaunseling wajib, modul perkahwinan baru lebih moden, realistik

Published 6 hours ago on December 2, 2023
By Syed Mohd Haziq Syed Nur



Foto: Gambar Sekeloa Masari

- The Merdeka Times menggabungkan pandangan dua pakar iaitu Kaunselor Berdaftar Lembaga Kaunselor Malaysia, Dr. Liley Atzani Sadi serta Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang yang membincangkan punca, impak dan pembaharuan yang diperlukan untuk membendung krisis perceraian negara.
- Kaunselor Berdaftar Lembaga Kaunselor Malaysia, Dr. Liley Atzani Sadi menegaskan peningkatan kes bukan sekadar angka, tetapi cerminan tekanan hidup moden yang semakin menghimpit keluarga Malaysia, terutama generasi muda.
- "Punca utama perceraian termasuk kegagalan komunikasi, tekanan kewangan, kecurangan pihak ketiga, campur tangan keluarga, dan keganasan rumah tangga," kata Presiden PGSM Musa Awang.
- Liley Atzani menegaskan keperluan latihan kemahiran praktikal seperti pengurusan emosi, penguasaan literasi digital, penyelesaian konflik sebenar dan strategi pengurusan stres dalam modul praperkahwinan moden.

Malaysia berdepan peningkatan kadar perceraian yang membimbangkan apabila jumlah kes meningkat 4.1 peratus kepada 60,457 pada 2024, berbanding 58,095 kes pada 2023.

Kadar Perceraian Kasar (CDR) turut naik kepada 1.8 (2024) daripada 1.7 (2023) bagi setiap seribu penduduk, manakala perceraian dalam kalangan Orang Islam melonjak 7.3 peratus kepada 47,577 kes.

Tiga negeri mencatat kenaikan tertinggi Sarawak (33.9 peratus), Sabah (12.7 peratus) dan Selangor (4.8 peratus), menunjukkan isu ini merentas negeri dan semakin kompleks.

Dalam laporan khas ini, The Merdeka Times menggabungkan pandangan dua pakar iaitu Kaunselor Berdaftar Lembaga Kaunselor Malaysia, Dr. Liley Atzani Sadi serta Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang yang membincangkan punca, impak dan pembaharuan yang diperlukan untuk membendung krisis perceraian negara.

Tekanan Emosi, Sosial & Ekonomi: Realiti Perkahwinan Moden

Kaunselor Berdaftar Lembaga Kaunselor Malaysia, Dr. Liley Atzani Sadi menegaskan bahawa peningkatan kes bukan sekadar angka, tetapi cerminan tekanan hidup moden yang semakin menghimpit keluarga Malaysia, terutama generasi muda.

"Saya melihat peningkatan ini sebagai cerminan kepada tekanan sosial, emosi dan ekonomi yang semakin menghimpit keluarga Malaysia."

"Ramai pasangan hadir dalam keadaan emosi yang tertekan akibat masalah kewangan, 'burnout' dan isu kecurangan digital yang kian meningkat," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa faktor-faktor seperti komunikasi lemah, keletihan mental, pengaruh budaya digital, beban kerja tinggi dan jangkaan hidup menjadi pencetus konflik berpanjangan dalam perkahwinan.

Media Sosial: Punca Konflik Baru Dalam Rumah Tangga

Menurut Liley Atzani pengaruh media sosial kini menjadi faktor besar dalam ketidakharmonian perkahwinan.

"Ramai pasangan muda terkesan dengan perbandingan hidup daripada kandungan media sosial yang tidak realistik."

"Highlight", "reel" sering mencetuskan rasa tidak cukup, tekanan dan cemburu, serta ketidakpuasan yang akhirnya mengakhiri keintiman hubungan," katanya.

Justeru beliau berpendapat literasi digital keluarga perlu diperkuatkan dengan segera.

"Ketagihan skrin, kekurangan masa berkualiti dan pencabulan privasi digital pula semakin melemahkan interaksi suami isteri."

"Ini menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkuatkan literasi digital keluarga agar pasangan muda dapat mengurus batasan dan penggunaan teknologi dengan lebih matang," ujarnya.

Jelasnya, ia bukan sekadar mampu menggunakan telefon pintar atau media sosial, tetapi meliputi pemahaman, kemahiran dan sikap yang betul ketika berinteraksi dengan teknologi agar tidak timbul rasa syak wasangka kepada pasangan.

Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang pula berpendapat media sosial kerap mempengaruhi pasangan untuk bercerai.

"Media sosial dan budaya digital adalah faktor penyumbang kepada peningkatan kadar perceraian, di mana media sosial digunakan sebagai medium untuk mengherukn lagi hubungan bukan untuk membalik pulih konflik," katanya.

Menurutnya, antara adegan pengaruh media sosial seperti, 'drama' pergaduhan suami isteri yang tular di media sosial, kata-kata nasihat yang tidak menepati situasi, angan-angan alam perkahwinan sempurna antara contoh yang boleh meruntuhkan bahtera perkahwinan.

Konflik Sosial, Kewangan Punca Utama Perceraian

Bagi Liley Atzani beberapa konflik atau punca utama perceraian yang kerap muncul dalam sesi kaunselingnya.

Antaranya, kegagalan komunikasi, tekanan kewangan, kecurangan pihak ketiga, campur tangan keluarga serta keganasan rumah tangga.

"Punca-punca ini saling berkaitan dan apabila dibiarkan akan menyebabkan konflik berpanjangan yang akhirnya membawa kepada perpisahan," katanya.

Musa turut bersetuju bahawa faktor berkenaan semakin jelas dalam fail-tail kes di mahkamah syariah dan kini menjadi isu nasional.

"Punca utama perceraian termasuk kegagalan komunikasi, tekanan kewangan, kecurangan pihak ketiga, campur tangan keluarga, dan keganasan rumah tangga."

Punca-punca ini saling berkaitan antara satu sama lain dan apabila dibiarkan akan boleh menyebabkan konflik berpanjangan yang akhirnya membawa kepada perpisahan," jelasnya.

Kaunseling Wajib, Kursus Perkahwinan Lebih Intensif

Musa berkata sudah tiba masanya undang-undang disemak semula bagi mewajibkan intervensi awal sebelum pasangan dibenarkan bercerai.

"Undang-undang sedia ada perlu disemak semula dengan memasukkan peruntukan mewajibkan kaunseling kepada pasangan yang ingin bercerai," katanya.

Beliau turut menegaskan keperluan kursus perkahwinan yang lebih serius dan realistik.

"Kursus perkahwinan perlu dibuat secara intensif. Contohnya 2 hari 1 malam dan tenaga pengajar daripada kalangan pengamal undang-undang syariah yang berpengalaman dengan kes-kes di mahkamah syariah," jelasnya.

Ini kerana katanya, modul kursus sedia ada belum cukup menangani cabaran rumah tangga moden.

Dalam pada itu, Liley Atzani mencadangkan peningkatan sistemik terhadap perkhidmatan kaunseling negara.

"Antara langkah praktikal ialah menambah bilangan kaunselor berdaftar di setiap daerah bagi memastikan pasangan dapat mendapatkan bantuan awal tanpa perlu menunggu terlalu lama."

"Selain itu, sesi kaunseling keluarga perlu disusun dengan lebih sistematik melalui intervensi awal, penilaian risiko hubungan dan sesi kaunseling susulan berkala untuk memantau perkembangan pasangan selepas intervensi," katanya.

Tambahnya, institusi kerajaan juga boleh memperkenalkan kerangka kaunseling keluarga digital yang lebih tersusun dan selamat, selaras dengan kecenderungan generasi muda yang lebih selesa mendapatkan sokongan awal melalui platform dalam talian.

"Ini boleh meliputi penyediaan sesi kaunseling video secara rasmi oleh kaunselor berdaftar, modul pendidikan digital untuk pasangan muda, 'self-assessment' tools berkaitan emosi dan hubungan, serta platform rujukan segera untuk kes melibatkan tekanan keluarga, isu komunikasi atau konflik perkahwinan."

"Pendekatan digital ini penting kerana ramai pasangan muda memilih untuk mendapatkan bantuan awal secara privasi sebelum hadir secara fizikal ke pusat kaunseling," ujarnya.

Beliau menegaskan keperluan latihan kemahiran praktikal seperti pengurusan emosi, penyelesaian konflik sebenar dan strategi pengurusan stres dalam modul pra-perkahwinan moden.

Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) & Kerajaan: Saling Melengkapi

Musa menekankan bahawa usaha kerajaan sahaja tidak memadai, semua pihak perlu memainkan peranan di dalam memastikan usaha mengurangkan kadar perceraian di dalam negara.

"Kerajaan tidak boleh bergerak sendirian sebaliknya perlu menggembeng tenaga dengan NGO untuk mengadakan program-program kesedaran bagi mengurangkan kadar perceraian."

"Sokongan masyarakat sivil amat penting kerana isu keretakan rumah tangga bukan hanya masalah undang-undang, tetapi isu sosial yang memerlukan pendekatan menyeluruh," jelasnya.

Musa berkata, langkah seperti ini mampu membendung dan mencegah masalah perceraian dengan bantuan NGO daripada sudut penyelesaian masalah selain daripada kaunseling atau nasihat daripada penasihat rumah tangga bertauliah. — The Merdeka Times

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah, berkata pelaksanaan DPP mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) nombor 23 dan undang-undang negara. Foto Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Pelaksanaan DPP pastikan pelarian terus, dapat bantuan secara sah di Malaysia

By Lukman Mohd Amin #bm, Malaysia December 2, 2025 12:45 PM

KUALA LUMPUR, 2 Dis: Kerajaan menetapkan pelan pelaksanaan Dasar Pengurusan Pelarian (DPP) bagi memastikan pelarian berdaftar dapat mengakses pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan bantuan sosial secara sah di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah, berkata pelaksanaan DPP mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) nombor 23 dan undang-undang negara.

Jelas Dr Shamsul Anuar, semua pelarian akan didaftarkan melalui Dokumen Pendaftaran Pelarian (DPP) sebagai pengesahan status mereka.

"Pelaksanaan DPP membolehkan kerajaan memperoleh maklumat setiap individu pelarian melalui sistem biometrik kerajaan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan."

"Semua pelarian, sama ada mempunyai dokumen Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) atau tidak, perlu melalui proses penentuan status pelarian yang dijalankan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Wong Chen (Pakatan Harapan – Subang) di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata kerajaan sedang memuktamadkan prosedur operasi standard, pendaftaran, dan penentuan status pelarian mengikut amalan antarabangsa.

Pelarian yang diiktiraf akan diberikan kad DPP, membolehkan mereka tinggal sah sementara di Malaysia serta mendapat akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan.

"Pelaksanaan DPP melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi akan memastikan pelarian mendapat akses pendidikan dari tahap asas hingga tinggi."

"Kementerian Kesihatan pula bertanggungjawab menyediakan rawatan kesihatan asas manakala bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula akan menolong golongan rentan termasuk wanita, warga emas, orang kurang upaya, gelandangan dan kanak-kanak," katanya. -TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir di sembilan negeri semakin pulih, hanya 8,457 mangsa di 136 PPS

Mahani Ishak - Disember 2, 2025 @ 8:45am



Zulkiflie Abdullah, 42 (kanan) bersama penduduk membantu mengalihkan ayam peliharaannya ke tempat yang lebih selamat selepas kediaman mereka ditenggelami banjir di Kampung Sena Rendang, Kuala Terengganu ketika tirjaun pada 29 November lalu. - Foto NSTP/Ghazali Kori

KUALA LUMPUR: Seramai 8,457 mangsa banjir daripada 2,648 keluarga masih berlindung di 136 pusat pemindahan sementara (PPS) di sembilan negeri, setakat jam 7.30 pagi ini.

Menurut portal InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Perak mencatat jumlah mangsa banjir tertinggi seramai 3,458 mangsa membabitkan 1,004 keluarga yang ditempatkan di 21 PPS.



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi beramah mesra bersama mangsa banjir ketika mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Kompleks Umno Bagan Datuk Sungai Sumun hari ini. - foto BERNAMA

Ia diikuti Perlis dengan mangsa (2,217), keluarga (815) dan PPS (21) manakala di Selangor, mangsa (1,839), keluarga (524) dan PPS (27).

Terengganu pula mencatatkan 257 mangsa daripada 95 keluarga (555) dengan 37 PPS diaktifkan, Kelantan mangsa (233), keluarga (88) dan PPS (3); Kedah mangsa (192), keluarga (57) dan PPS (14); Pahang mangsa (243) mangsa, keluarga (6) dan PPS (1); Sarawak mangsa (14), keluarga (2) dan PPS (1) serta Kuala Lumpur mangsa (4), keluarga (2) dan PPS (1).

Menurut JKJ, seramai 1,270 mangsa banjir adalah warga emas dan 2,660 pula ialah kanak-kanak termasuk 220 bayi. Mangsa orang kurang upaya (OKU) pula seramai 274 orang.

Kedudukan cuaca yang bertambah baik di kebanyakan negeri semalam membuatkan banjir semakin surut dengan jumlah mangsa yang ditempatkan di PPS di lapan negeri turun ketara berbanding berbanding 14,040 orang pagi semalam.

Sementara itu, rekod daripada Public InfoBanjir pula menunjukkan beberapa sungai dan empangan tidak menunjukkan trend perubahan dengan ada antaranya dikesan berada pada trend menaik dan paras air masih melepasi tahap bahaya, setakat jam 7 pagi ini.

Ia membabitkan Empangan Timah Tasoh (Perlis), Sungai Slim di Slim River dan Sungai Bidor di Changkat Jong (Perak), Pintu Air Ijok (Selangor) yang merekodkan tahap bahaya.

Beberapa stesen pula menunjukkan paras amaran dengan ia membabitkan Rimba KDR (Selangor), Cheng U/S dan Sungai Siput di Kampung Sungai Siput (Perak); Sungai Kesang di Telok Rimba (Johor) dan Sungai Golok di Rantau Panjang (Kelantan).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Keluarga cemas kanak-kanak 2 tahun tertinggal di restoran di Raub akibat salah faham



IBU bapa kanak-kanak lelaki berusia dua tahun yang tertinggal di hadapan Restoran Azmi Stim di Raub, Pahang mengambil anak mereka di Ibu Pejabat Polis Daerah Raub.

Oleh :SALEHUDIN MAT RASAD 2 Disember 2025, 2:00 pm

RAUB: Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun berdepan detik cemas apabila tertinggal di hadapan Restoran Azmi Stim, di sini tengah hari semalam akibat salah faham keluarganya.

Mangsa ditemukan seorang lelaki ketika berkeliaran di tempat letak kereta di hadapan restoran terbabit. Difahamkan, setelah menunggu kira-kira 45 minit tanpa kehadiran ahli keluarga, lelaki berkenaan membawa kanak-kanak itu ke Ibu Pejabat Polis Daerah Raub.

Ketua Polis Raub, Superintenden Mohd. Shahril Abdul Rahman berkata, polis berjaya menghubungi keluarga kanak-kanak itu dan ibu bapanya hadir ke balai pada pukul 4 petang untuk mengambil semula anak mereka.

"Menurut ibu bapa kanak-kanak tersebut, mereka menaiki dua kenderaan dari Johor Bahru ke Tersan, Dong, di sini semalam. Selepas selesai urusan di Dong, keluarga itu singgah di Restoran Azmi Stim pada pukul 12 tengah hari untuk makan tengah hari. Namun, berlaku salah faham antara ahli keluarga semasa menaiki kenderaan dan menyebabkan anak mereka tertinggal di restoran berkenaan," katanya di sini hari ini.

Mohd. Shahril berkata, setibanya di Kuala Lumpur, ibu kanak-kanak terbabit menghubungi kakaknya yang menaiki kenderaan lain bertanya keberadaan anak mereka.

"Ketika itu barulah ibu bapa kanak-kanak itu sedar bahawa anak mereka tertinggal di Restoran Azmi Stim. Pasangan berkenaan kemudiannya bertindak menghubungi restoran dan dimaklumkan oleh pekerja restoran bahawa anak mereka sudah diserahkan ke Balai Polis Raub," katanya. — **UTUSAN**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TERTUDUH diiringi anggota polis selepas dihadapkan di Mahkamah Sesyen Melaka atas tiga pertuduhan seksual membabitkan seorang remaja lelaki berusia 16 tahun.- AMRAN ALI/ KOSMO!

'Abuya' kini berdepan 21 kes seksual, tiga di Melaka

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA 2 Disember 2025, 1:43 pm

MELAKA – Seorang mudir madrasah dikenali sebagai 'Abuya' yang sebelum ini berdepan 18 pertuduhan seksual di mahkamah di Kelantan, Terengganu dan Perak didakwa di Mahkamah Sesyen Melaka hari ini atas tiga pertuduhan membabitkan seorang remaja lelaki berusia 16 tahun.

Tertuduh, Mohamad Aswadi Yah, 46, bagaimanapun membuat pengakuan konsisten tidak bersalah sejurus kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan persetubuhan bertentangan aturan tabii tanpa kerelaan mangsa kira-kira pukul 7.30 pagi di sebuah rumah beralamat di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh pada 4 Ogos 2024.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan, yang jika sabit kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara antara lima hingga 20 tahun dan sebatan.

Manakala bagi pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama bagi tujuan seksual di tempat, masa dan tarikh yang sama.

Bagi perbuatan itu, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan mengikut Seksyen 14(a) dan 14(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Nor Asnini Kamarudin mencadangkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan dengan mengambil kira kes melibatkan mangsa di bawah umur.

Peguam, Mohd. Irwan Sumadi bagaimanapun memohon jaminan rendah diberika. dengan alasan anak guamnya sudah membayar jaminan keseluruhan berjumlah RM93,000 bagi pertuduhan seksual lain yang dihadapinya di Kelantan, Terengganu dan Perak.

Selain itu, tertuduh yang mempunyai empat anak juga mempunyai penyakit darah rendah, kurang gula, sakit tulang belakang dan masalah saraf.

Selepas mendengar hujah kedua-dua belah pihak, Rohatul menetapkan jaminan RM10,000 bagi kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin dan tarikh 5 Januari depan sebagai sebutan semula kes dan serahan dokumen. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Operator pengeluaran rakam video wanita di pasar raya disambung reman

🕒 02 Disember 2025, 9:01pm



Oleh: Amirul Aiman Hamsuddin

SHAH ALAM: Operator pengeluaran yang ditahan selepas dipercayai melakukan gangguan seksual terhadap seorang wanita di sebuah pasar raya di Bukit Sentosa, Hulu Selangor, Jumaat lalu disambung reman enam hari lagi.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ibrahim Husin, ketika dihubungi mengesahkan perkara itu.

"Kes reman disambung sehingga 7 Disember ini. Suspek berusia 44 tahun masih ditahan reman," katanya ringkas ketika dihubungi, malam ini.

Terdahulu, media melaporkan lelaki yang bekerja di sebuah kilang membuat alat ganti kenderaan di Sungai Choh, merakam video mangsa menggunakan telefon bimbit miliknya.

Ibrahim dilaporkan berkata, polis berjaya menahan suspek dan merampas telefon bimbit serta dadah jenis syabu seberat 0.64 gram.

Semakan mendapati lelaki terbabit mempunyai tiga rekod lampau dadah selain ujian air kencingnya positif dadah.

Kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil.